



KETUA Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem merasmikan *Coop Fest Seborneo 2014* bersekali dengan *Pesta Lawas 2014* dan *Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI)* di Taman Awam Lawas, Sarawak baru-baru ini.

Coop Fest Se-Borneo eratkan kerjasama Sarawak dan Sabah

BUAT pertama kalinya Program *Coop Fest Se-Borneo* diadakan yang menggabungkan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) Cawangan Negeri Sarawak, Cawangan Negeri Sabah bersama jabatan dan agensi kerajaan negeri Sarawak.

Program yang dijayakan bersekali dengan *Pesta Lawas 2014* dan *Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI)* diadakan selama empat hari bermula 20 hingga 23 November lalu bertempat di Taman Awam Lawas, Sarawak.

Dengan tema Memperkukuhkan Kerjasama, Memperkasakan Ekonomi, Program *Coop Fest Se-Borneo* ini dianggap sebagai penganjuran yang terbesar pernah diadakan kerana melibatkan pelbagai pihak beserta pengisian dan acara-acara menarik.

Antara objektif penganjuran program ini adalah bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan keluaran koperasi, memantapkan kerjasama dan rangkaian perniagaan koperasi, seterusnya menggalakkan penubuhan koperasi dalam kalangan masyarakat setempat dengan memperjelaskan lagi kelebihan dan faedah yang diperolehi melalui koperasi.

Program berbentuk ekspo pameran dan jualan ini turut menyaksikan beberapa Perjanjian Persefahaman

(MoU) sesama koperasi dan juga antara koperasi dengan syarikat.

MoU tersebut dimeterai bertujuan untuk memupuk jaringan perniagaan, terutama berkaitan pembekalan dan pemasaran produk dan perkhidmatan yang diusahakan oleh koperasi.

Antaranya, ialah MoU di antara Place 2 Stay (Francais hotel) bersama Koperasi Deng Clan Sarawak Berhad, Koperasi Sukau Kinabatangan Berhad dan Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad.

Koperasi Kojaksa Sarawak Berhad turut memeterai MoU bersama Koperasi Assalam Terengganu Berhad, khusus untuk mempromosikan dan mengedar produk tempatan kedua negeri antaranya keropok dan batik daripada Terengganu dan produk ikan terubuk serta kek lapis daripada Sarawak.

Beberapa koperasi turut diberi pengiktirafan dengan penganugerahan Koperasi Terbaik Sarawak dan Sabah berdasarkan pencapaian koperasi dalam segala aspek termasuk prestasi kewangan yang cemerlang, pematuhan perundangan koperasi dan penglibatan koperasi dalam aktiviti-aktiviti berkaitan bidang keberhasilan utama (EPP) sebagaimana yang digariskan dalam Dasar Koperasi Negara (DKN).

Anugerah Koperasi Terbaik Ne-

geri Sarawak 2014 dimenangi oleh Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Bintulu Berhad dalam kategori Koperasi Sekolah, manakala Kategori Dewasa dimenangi oleh Koperasi KOPERKASA Sarawak Berhad.

Bagi Negeri Sabah, Anugerah Koperasi Terbaik Negeri Sabah 2014, Koperasi Sekolah Menengah Sains Sabah Berhad memenanginya bagi Kategori Koperasi Sekolah manakala Kategori Koperasi Dewasa, dinobatkan kepada Koperasi Pembangunan Usahasama Masyarakat Maju Sabah Berhad.

Coop Fest Se-Borneo turut menyeronokkan kehidupan warga Lawas dan daerah sekeliling dengan pengisian beberapa program menarik antaranya Forum Perdana, *Explore Race* Koperasi dan Kepenggunaan dengan kerjasama KPDNKK Sarawak, *Car Auto-Show*, *Kuiz Spontan* dan *Cabutan Bertuah* sepanjang program.

Turut diadakan konsert oleh penyanyi tempatan, persembahan kebudayaan dan tradisi rakyat Sarawak selain kemeriahan pameran dan jualan.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem pada 22 November lalu yang turut dihadiri oleh Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya, Datuk Nik Ali Mat Yunus.